



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **PRA PELANCARAN JUBLI EMAS RUKUN TETANGGA**

**SEGAMAT, 15 Mei** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan menganjurkan **Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan** pada 28 dan 29 Ogos di Sentul, Kuala Lumpur. Perkara ini diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Majlis Pra Pelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga dan Sambutan Minggu Perpaduan Negeri Johor, hari ini.

Pra Pelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga diadakan sebagai tanda penghargaan kepada semua Jawatankuasa Rukun Tetangga yang telah memainkan peranan penting dalam **menggerakkan pelbagai aktiviti kejiranan, menjaga keselamatan serta memperkuuhkan jaringan sosial antara penduduk**. KPN turut melancarkan logo dan slogan baharu iaitu **“Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan”** bagi semua KRT sempena 5 Dekad bertapaknya di negara ini.

YB Datuk Aaron berkata, “Penubuhan Rukun Tetangga yang kini genap 50 tahun membuktikan bahawa inisiatif ini adalah antara dasar yang paling berkesan dalam membina jati diri rakyat yang bersatu padu”. Anggota KRT adalah wira yang tidak didendang yang menjadi tulang belakang kestabilan sosial di peringkat akar umbi”.

Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif adalah inisiatif KPN melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk melonjakkan lagi peranan Rukun Tetangga dalam komuniti di Malaysia. Sehingga tahun 2024, sebanyak 152 Rukun Tetangga telah dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif.

**Kementerian Perpaduan Negara**

15 Mei 2025

KPN.100-9/1/16 (33)

